

01 JAN 2000

Alaf

RAKYAT MALAYSIA SAMBUT ALAF BARU DALAM SUASANA MERIAH

KUALA LUMPUR, 1 Jan (Bernama) -- Rakyat Malaysia menyambut kedatangan alaf baru dalam suasana meriah dengan tembakan bunga api di beberapa tempat yang menjadi tumpuan ramai di seluruh negara tanpa menghiraukan gangguan Masalah Tahun 2000 atau Y2K.

Ketika lebih 4,000 orang sibuk mengendalikan pusat-pusat operasi Y2K bagi menangani kemungkinan berlaku gangguan sementara yang lain pula membanjiri jalan-jalan, hotel dan restoran untuk meraikan sambutan ketika hitungan saat pada jam telah sampai ke tahun 2000.

Warga kota dari segenap lapisan masyarakat berkumpul di tempat-tepat itu sejak pukul 6 petang (31 Dis) untuk menyaksikan matahari terbenam buat kali terakhir pada tahun 1999.

Dalam pada itu, sesetengah penduduk mengambil keputusan untuk berada di rumah masing-masing bagi menyambut kedatangan Tahun Baru bersama keluarga secara sederhana.

Sementara itu, kebanyakan umat Islam sebagai menghormati bulan Ramadan, tidak menyertai acara ambutan itu dan sebaliknya membanjiri masjid untuk menunaikan solat "terawih" dan kegiatan keagamaan lain yang bermanfaat.

Hari pertama tahun 2000 bermula di Tonga, sebuah pulau kecil di Pasifik Barat.

Tidak ada insiden berkaitan Y2K yang dilaporkan walaupun ia masih terlalu awal untuk mengesahkan.

Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Leo Moggie dijadual mengeluarkan kenyataan terkini tentang bagaimana sistem komputer negara menangani pertukaran tarikh pada 12.45 pagi di pusat operasi Y2K di kementerian.

New Zealand yang muncul sebagai negara maju pertama memasuki alaf baru melaporkan tidak ada gangguan dalam sistem negara itu dalam tepoh setengah jam pertama selepas tengah malam.

Gangguan Y2K boleh menghalang sesetengah komputer daripada membezakan 2000 daripada 1900 kerana sistem program lama yang mengenali tahun itu dengan cuma dua angka. Ia berpotensi menimbulkan gangguan dalam sistem elektrik, penerbangan dan telefon.

Di Kuala Lumpur, warga kota membanjiri beberapa tempat termasuk Dataran Merdeka untuk menyaksikan jam di bangunan Sultan Abdul Samad berbunyi selepas hari terakhir abad ke-20.

Ketika jam menandakan tengah malam, orang ramai yang berhimpun di bawah bangunan itu bersorak sementara pemandu membunyikan hon kereta ketika tembakan bunga api menerangi suasana.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyambut Tahun Baru dengan meminta rakyat Malaysia belajar daripada pengalaman sejarah yang menghendaki mereka bersatu dan berdisiplin bagi mematahkan penjajahan bentuk baru dalam alaf baru melalui sistem globalisasi Barat.

Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali menyertai beribu-ribu warga kota menghadiri sambutan yang dimeriahkan dengan tembakan bunga api dan konsert di Jalan Bukit Bintang dan Kuala Lumpur City Centre di sini.

Walaupun bagi sesetengah orang, alaf baru tidak bermula sehingga 1 jan, 2000 kebanyakan penduduk di dunia menyambut kedatangan alaf baru dengan menghadiri samutan bagi menyambut tahun 2000.

Hotel dan restoran mengadakan sambutan sendiri menyambut alaf baru sementara tembakan bunga api besar-besaran menerani angkasa dari Stadium Nasional Bukit Jalil.

Sambutan terbesar sambut alaf baru berlangsung di Terminal satu lapangan terbang Sultan Abdul Aziz di Subang apabila hampir 100,000 orang dari 150 negara menyertai acara sambutan Salem Cool Planet.

Acara itu menampilkan teknologi visual dan audio terkini dalam dunia hiburan.

Di hospital, ibu-ibu melahirkan "bayi alaf baru" sementara beratus-ratus pekerja pejabat menyambut Tahun Baru dengan meneliti skrin komputer bagi memastikan tiada gangguan Y2K.

Di Kota Kinabalu, Sabah, sebuah restoran makanan segera menyambut tahun baru dengan memperkenalkan menu baru dikenali sebagai "Big Millennium Meals" atau "The Big M-Meals".

Sementara itu, Haji Abdul Hadi Awang, Menteri Besar Terengganu yang baru sahaja diperintah oleh PAS mengajak rakyat Malaysia supaya memboikot sebarang program sambutan alaf baru yang bercanggah dengan kepercayaan agama masing-masing dan nilai-nilai budaya Timur.

Beliau mendakwa amalan dan kebudayaan negatif seumpama itu bukan sahaja bertentangan dengan budaya dan cara hidup penduduk negara ini tetapi juga bercanggah dengan ajaran semua agama.

-- BERNAMA

ES TM FAZ